

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**KAWASAN : TANJONG MALIM**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang status perancangan jalan baru dari Ulu Slim ke Raub sejauh 18 kilometer. Jalan ini bukan sahaja menjadi pemangkin eko pelancongan di kawasan sekitar tetapi juga memendekkan perjalanan dari timur ke utara Semenanjung.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan jalan baru yang menghubungkan Ulu Slim, Perak ke Raub, Pahang merupakan antara salah satu projek yang telah dicadangkan oleh Laporan Pelan Induk Rangkaian Pembangunan Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP), terbitan tahun 2008. Anggaran keseluruhan kos projek ini ialah sebanyak RM220 juta.

Kementerian ini telah mengemukakan permohonan kepada Agensi Pusat untuk menjalankan Kajian Kemungkinan projek berkenaan dalam RMKe-11 (2016 – 2020). Skop kajian tersebut merangkumi kajian trafik, gunatanah, impak sosial, sosio ekonomi, impak alam sekitar dan rekabentuk kejuruteraan awalan. Kajian tersebut akan dilaksanakan sebaik sahaja kementerian ini menerima kelulusan dari Agensi Pusat, iaitu dijangka pada bulan Jun 2015 ini menerusi pengumuman RMKe-11 oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.